


## Mencari Pejabat Khidmat Sosial (SSO) yang berdekatan?

Untuk mengetahui jika anda layak menerima bantuan ComCare, sila kunjungi SSO anda untuk penilaian.



Anda boleh melungsuri [www.comcare.sg](http://www.comcare.sg) untuk mencari SSO yang terdekat atau hubungi ComCare Call di 1800 222 0000.

Untuk maklumat lanjut, sila lungsur:  
[www.comcare.sg](http://www.comcare.sg)



ComCare

Call




1800-222 0000

Hubungi Kami.  
Kami Prihatin.

# ADAKAH ANDA MENGENAL SESEORANG YANG MEMERLUKAN BANTUAN?

ComCare @ Sepintas Lalu



## Perlukan bantuan untuk yuran tadika atau pusat penjagaan pelajar anak anda?


Isteri saya perlu bekerja untuk membantu dengan perbelanjaan dan tiada siapa yang boleh menjaga anak saya yang masih kecil selepas sekolah.



*Keluarga berpendapatan rendah boleh memohon bantuan untuk membayar yuran tadika dan penjagaan pelajar di pusat yang layak di mana anak anda telah mendaftar.*

## Manganggur atau Berpendapatan Rendah?

Saya baru sahaja kehilangan pekerjaan dan perlu mencari pekerjaan lain. Isteri saya ingin membantu tetapi dia tidak dapat mencari pekerjaan. Di manakah kami boleh mendapatkan bantuan?



*Kami menyediakan bantuan kewangan dan pekerjaan kepada mereka yang sedang mencari pekerjaan, atau keluarga berpendapatan rendah yang memerlukan bantuan sementara. Kunjungi Pejabat Khidmat Sosial yang terdekat untuk mohon bantuan kewangan sementara.*

## Tidak dapat bekerja buat sementara?

Saya telah diberikan cuti sakit selama 9 bulan setelah cedera dalam kemalangan dan saya tidak dapat bekerja.




Bagaimana saya dapat menyara keluarga saya tanpa pendapatan?

*Kami menyediakan bantuan kewangan sementara kepada keluarga yang mana pencari nafkah tidak dapat bekerja buat sementara waktu. Kunjungi Pejabat Khidmat Sosial yang terdekat untuk mohon bantuan kewangan sementara.*

## Tidak dapat bekerja untuk selama-lamanya?

Saya berusia 75 tahun dan tinggal bersendirian di flat sewa HDB 1-bilik. Saya tidak dapat bekerja dan tidak mempunyai anak untuk menyara saya. Bagaimana akan saya membayar sewa, bil utiliti dan makanan?



*Kami menyediakan bantuan kewangan untuk membeli keperluan asas kepada warga Singapura yang tidak dapat bekerja dan sokongan keluarganya terhad atau tiada langsung. Kami juga menyediakan rawatan perubatan percuma. Anak-anak mereka juga menerima pendidikan percuma dan bantuan wang tambahan. Kunjungi Pejabat Khidmat Sosial yang terdekat untuk penilaian.*

## Perlukan bantuan segera dan sementara?

Saya tidak mempunyai wang untuk makanan, dan bekalan elektrik saya akan dipotong esok!



Pekerjaan sampingan saya hanya akan bermula minggu depan. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan?

*Dana CCC ComCare menyediakan bantuan sementara untuk jangka masa sehingga 3 bulan, dalam bentuk wang tunai, baucar atau pembahagian makanan kepada keluarga yang memerlukan. Dapatkan maklumat lanjut mengenai dana ini daripada pemimpin akar umbi anda atau di Balai Rakyat / Kelab Masyarakat yang terdekat.*

## Tidak tahu ke mana harus dituju untuk mendapatkan bantuan?

Saya baru kehilangan pekerjaan dan saya tidak tahu ke mana harus dituju untuk mendapatkan bantuan.



*Anda boleh hubungi ComCare Call - 1800 222 0000, talian bantuan 24 jam untuk warga Singapura yang memerlukan dapatkan bantuan. Operator-operator kami boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris, Melayu, Mandarin, Tamil, dan beberapa dialek yang lain.*